

Kecemerlangan Tamadun Islam di Andalus berdasarkan Teori ‘Umran Ibn Khaldun (*The Excellence of Islamic Civilization in Andalus based on Ibn Khaldun’s Theory of ‘Umran*)

Suhaila Abdullah* & Nurliyana Mohd Talib

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: ila@usm.my

Diserah: 23 Mei 2023

Diterima: 13 Jun 2023

Abstrak: Kecemerlangan tamadun Islam di Andalus pada penghujung abad ke-10 Masihi mencatatkan pencapaian terhebat di bawah pemerintahan kerajaan Islam Andalus dari aspek politik, ekonomi, sosial dan keilmuan. Malah, pencapaian tersebut turut diakui oleh Ibn Khaldun dalam karya penulisan beliau berjudul *Muqaddimah*. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti faktor-faktor yang membawa kepada kecemerlangan tamadun Islam di Andalus berdasarkan teori ‘umran Ibn Khaldun. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kajian kepustakaan dan metode analisis kandungan ke atas sumber-sumber primer dan sekunder. Hasil daripada kajian yang dilakukan mendapati bahawa antara faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan tamadun Islam di Andalus ialah sistem pemerintahan yang sistematik dan efektif, kemajuan dalam bidang ekonomi, pembangunan bandar yang kondusif dan selamat, toleransi antara pelbagai bangsa dan agama serta naungan pihak istana terhadap aktiviti keilmuan. Faktor-faktor ini adalah selari dengan teori ‘umran yang diketengahkan oleh Ibn Khaldun di dalam kitab karangannya berjudul *Muqaddimah*.

Kata kunci: tamadun Islam; andalus; ‘Umran; Ibn Khaldun; muqaddimah

Abstract: The excellence of Islamic civilization achieved in Andalus at the end of the 10th century AD had recorded great achievements especially in terms of politics, economy, as well as social and scholarly activities. In fact, these achievements were also recognized by Ibn Khaldun in his work entitled *Muqaddimah*. Therefore, this study aims to examine the factors that led to the excellence of Islamic civilization in Andalus based on Ibn Khaldun's theory of ‘umran. This study uses a qualitative approach through literature review and content analysis methods on primary and secondary sources. The results of the study found that there were factors contributing to the excellence of Islamic civilization in Andalus such as a systematic and effective government system, progress in economic activities, conducive and safe urban development, tolerance of races and religions, and support for scholarly activities. These factors are also among the elements highlighted by Ibn Khaldun through his ‘umran theory discussed in his book, *Muqaddimah*.

Keywords: Islamic civilization; andalus; ‘Umran; Ibn Khaldun; muqaddimah

Pengenalan

Ibn Khaldun merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang terkenal dengan kitab *Muqaddimah* yang diiktiraf sebagai sebuah karya yang memaparkan pemikirannya yang mendahului zaman. Antaranya ialah komentar dari Toynbee (1889-1975) yang mengiktiraf kitab *Muqaddimah* karangan Ibn Khaldun sebagai sebuah karya yang paling ulung dalam kategorinya, yang tidak pernah dihasilkan oleh mana-mana pemikir, tidak mengira masa dan tempat:

“in the Prolegomena to his Universal History, he has conceived and formulated a philosophy of history which is undoubtedly the greatest book of its kind that has ever yet been created by any mind in any time and place”
 (Toynbee, 1951, 3:321-322).

Dalam hal ini, Razali (2018) berpandangan bahawa falsafah sejarah yang dimaksudkan oleh Toynbee ini adalah teori tentang ‘*umran*’ yang dibincangkan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*nya. Dari segi metodologi penulisan kitab *Muqaddimah*, Ibn Khaldun menggunakan pendekatan secara pemerhatian, perbandingan dan pensejarahan dalam mengkaji dan mengungkapkan teori mengenai organisasi sosial dan tamadun manusia. Oleh sebab itu, secara keseluruhannya, perbincangan Ibn Khaldun tentang tamadun manusia dalam kitab *Muqaddimah* adalah berdasarkan pengalaman dan pemerhatian beliau sendiri terhadap pemerintahan di Afrika Utara, Andalus dan Mesir.

Menurut Ibn Khaldun (2001), Andalus merupakan salah satu daripada negara yang mempunyai iklim yang sederhana dan mempunyai pertumbuhan ‘*umran*’ yang baik yang membawa kepada kehidupan masyarakatnya yang sederhana dari aspek akhlak, tempat tinggal, pakaian, makanan, pertukangan, perlombongan dan urusan jual beli. Di dalam penulisan *Muqaddimah*, Ibn Khaldun sering mendatangkan contoh dan huraian berkaitan peristiwa sejarah ketamadunan Islam di Andalus dari aspek politik, ekonomi, sosial dan juga kegiatan keilmuan.

Andalus merupakan wilayah pertama di Eropah yang berjaya dikuasai oleh orang Islam pada abad pertengahan semasa pemerintahan kerajaan Banu Umayyah di Damsyik. Perkembangan dan kemajuan tamadun Islam pada abad pertengahan adalah berpusat di Baghdad, terutamanya dari aspek perkembangan inovasi ilmu melalui pengaliran ilmu-ilmu Greek, Parsi dan India ke dalam tamadun Islam. Namun begitu pada abad ke-10M, berlaku kelemahan institusi *khilafah* kerajaan Banu ‘Abbasiyah di Baghdad dan pada masa yang sama Andalus telah mencapai era kemakmuran dan kegemilangan, terutamanya semasa era pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan anaknya, Khalifah al-Hakam II. Di bawah pemerintahan kedua-dua khalifah tersebut menyaksikan masyarakat majmuk di Andalus hidup dalam keadaan aman, harmoni dan bertoleransi, maju dari aspek ekonomi dan pembangunan serta kepesatan bidang keilmuan yang dibawa daripada wilayah timur, termasuk dari Baghdad (Allen, 2009; Mohamad, 1986; Baharudin, 1986).

Perkembangan ilmu di Andalus bertambah pesat menerusi penubuhan Universiti Cordova dan juga pengkajian ilmu yang dilakukan oleh para ilmuan di Andalus. Hal ini menjadikan Cordova sebagai pusat keilmuan terbaik di Eropah yang sering dikunjungi oleh para ilmuan dari wilayah Islam di timur dan juga dari sekitar Eropah untuk menimba pengetahuan dan membina keintelikualan mereka (Sulaiman, 2020). Ibn Hawqal (1992) menyatakan bahawa pencapaian dan kemajuan yang terdapat di Cordova menyamai separuh daripada kemajuan di Baghdad pada era kegemilangannya dan kemajuan tersebut tidak terdapat pada kota-kota lain di Afrika Utara, Semenanjung Tanah Arab dan juga Syam. Hal ini menunjukkan bahawa pencapaian yang dibangunkan di bandar Cordova hampir setanding dengan dengan kecemerlangan di Baghdad.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode kajian kepustakaan sebagai asasnya. Fokus utama kajian ini adalah untuk melakukan analisis terhadap kitab *Muqaddimah* karya Ibn Khaldun yang merupakan sumber data primer bagi kajian ini. Tujuannya adalah untuk meneroka konsep ‘*umran*’ seperti yang diutarakan oleh Ibn Khaldun dan melihat perkaitannya dengan pencapaian dan kecemerlangan tamadun Islam di Andalus pada Zaman Pertengahan.

Sementara itu, sumber primer dan sekunder lain turut dirujuk melalui tinjauan literatur terhadap penulisan yang berkaitan bagi mengumpulkan maklumat tentang sejarah tamadun Islam di Andalus. Sumber-sumber ini turut digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang Ibn Khaldun dan penulisan kitab *Muqaddimah* serta pandangan sarjana tentang teori ‘*umran*’.

Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti kitab *Muqaddimah* secara menyeluruh. Usaha ini melibatkan pembacaan secara menyeluruh pada bahagian yang berkaitan untuk mengenal pasti dan mengeluarkan pandangan, idea, dan konsep berkaitan teori ‘*umran*’, serta maklumat mengenai kecemerlangan tamadun Islam di Andalus yang tercatat dalam kitab tersebut. Kaedah ini bertujuan untuk mencerakinkan dan mengetengahkan elemen-elemen berkaitan teori ‘*umran*’ Ibn Khaldun dan kecemerlangan tamadun Islam di Andalus.

Seterusnya, kajian ini juga mengutarakan perbincangan dan analisis berkaitan faktor kecemerlangan tamadun Islam di Andalus berdasarkan teori ‘*umran*’ Ibn Khaldun sebagai iktibar dalam usaha memajukan tamadun Islam masa kini.

Hasil Kajian

1. Latar Belakang Ibn Khaldun dan Kitab *Muqaddimah*

Ibn Khaldun atau nama sebenarnya ‘Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Muhammad ibn al-Hassan ibn Muhammad ibn Jabir ibn Muhammad ibn Ibrahim ibn ‘Abd Rahman ibn Khalid (1332-1406) merupakan tokoh ilmuan muslim yang terkenal dengan jolokan bapa ilmu sosiologi. Beliau dilahirkan di Tunis pada 27 Mei 1332 Masihi dan meninggal dunia di Mesir pada 17 Mac 1406 Masihi. Keturunan Banu Khaldun berasal dari Hadhramawt, Yaman yang berhijrah ke Andalus semasa awal kemasukan Islam di wilayah tersebut (Ibn Khaldun, 1979). Menurut Alatas (2013) keturunan Banu Khaldun amat berpengaruh semasa era kerajaan al-Murabitun dan al-Muwahhidun di Andalus pada kurun ke-11 Masihi.

Ibn Khaldun terlibat dalam bidang politik apabila beliau pernah berkhidmat di istana kerajaan Banu Marin, Banu Hafs dan Banu Zayyan di Afrika Utara sebagai *sahib al-‘allamah*, *wazir* dan *hajib*. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai *wazir* kepada Sultan Muhammad V di Granada dan juga menjadi *qadi* semasa menetap di Kaherah (Ibn Khaldun, 1979; Enan, 2014). Pengalaman dan ilmu pengetahuan yang dimilikinya membolehkan beliau menghasilkan sebuah karya hebat yang dikenali sebagai *Kitab al-Ibar wa Diwan al-Mubtada’ wa al-Khabar fi Ayyam al-‘Arab wa al-‘Ajam wa al-Berber wa man ‘Asaruhum min Dzawi al-Sultan al-Akbar* atau dikenali sebagai *Tarikh Ibn Khaldun* (Abdullah & Talib, 2020).

Kitab ‘*Ibar*’ mula dikarang oleh Ibn Khaldun pada tahun 1375 Masihi semasa beliau mendapatkan perlindungan daripada Awlad ‘Arif (Banu ‘Arif) di Qal‘ah Ibn Salamah yang mana ia merangkumi penulisan jilid pendahuluan (*muqaddimah*) kepada kitab ‘*Ibar*’, catatan sejarah bangsa Arab, Berber dan Zanatah. Ibn Khaldun (2001) menyatakan bahawa beliau hanya mengambil masa selama lima bulan bagi menyiapkan draf pertama jilid pendahuluan yang diberi judul *Muqaddimah*. Beliau kemudiannya membuat penambahbaikan kepada kitab tersebut dengan memasukkan pengkisahan tentang sejarah bangsa-bangsa terdahulu yang terkenal seperti bangsa Nabat, Syria, Parsi, Israel, Yunani, Rom, Tartar dan Frank. Selain itu, beliau turut menukilkan catatan biografi beliau yang dinamakan sebagai *al-Ta’rif bi Ibn Khaldun Muallif hadza al-Kitab wa Rihlatuhi Gharban wa Sharqan* (Informasi oleh Ibn Khaldun, Pengarang Buku ini dan Perjalanananya ke Barat dan Timur) (Ibn Khaldun, 1979).

Penulisan lengkap bagi kitab ‘*Ibar*’, termasuk bahagian *Muqaddimah* dan juga *al-Ta’rif* siap sepenuhnya beberapa bulan sebelum beliau meninggal dunia, iaitu pada 17 Mac 1406 Masihi (Ibn Khaldun, 1979; Chaouch, 2008). Jilid pertama kitab ‘*Ibar*’ yang terkenal dalam kalangan ilmuan sebagai *Muqaddimah* telah mendapat perhatian dan pengiktirafan oleh sarjana lain sebagai karya yang memperlihatkan bahawa penulisnya mempunyai pemikiran yang mendahului zaman. Ini kerana di dalam kitab *Muqaddimah* tersebut Ibn Khaldun telah mengupas dengan jelas falsafah sejarah bagi pembangunan dan kemerosotan sesebuah masyarakat, negara dan tamadun yang belum pernah dilakukan oleh para sarjana atau sejarawan sebelumnya.

2. Teori ‘*Umran*’ Ibn Khaldun

Menerusi penulisan kitab *Muqaddimah*, Ibn Khaldun memperkenalkan sebuah teori baru yang dikenali sebagai teori ‘*umran*’. Teori ini meliputi perbincangan berkaitan elemen penting dalam pembangunan sesebuah tamadun seperti perasaan kekitaan dan permuafakatan antara manusia (‘*asabiyyah*’), penubuhan negara, masyarakat, perbandaran, ekonomi, perkembangan ilmu serta adab.

Ibn Khaldun menggunakan terminologi ‘*umran*’ secara berulang kali dengan pelbagai makna. Terdapat sebanyak 325 kali perkataan ‘*umran*’ di dalam kitab *Muqaddimah* (Ibn Khaldun, 2001). Istilah ‘*umran*’ diterjemahkan sebagai tamadun oleh Rosenthal (Ibn Khaldun, 1967), budaya (Mahdi, 1971), sains sosial (Dhaouadi, 2005), ilmu sosiologi (Faghfirzadeh, 1982), kemakmuran (Yahaya, 2011), saling bantu-membantu dalam menghasilkan keperluan kehidupan dan membangunkan negara berdasarkan semangat perpaduan dan kekitaan (Yahaya, 2017) dan beberapa takrifan lain. Istilah ‘*umran*’ turut merujuk kepada ‘*umran al-basyari*’ membawa maksud kehidupan manusia secara umum (Ibn Khaldun, 2001).

Perbincangan tentang teori '*umran*' oleh Ibn Khaldun di dalam *Muqaddimah* menerangkan tentang hal ehwal bangun dan jatuhnya sesebuah kuasa, negara dan tamadun yang merangkumi fenomena-fenomena, aspek-aspek dan juga evolusi kehidupan manusia, masyarakat, kuasa pemerintahan dan juga negara. Semua aspek ini mempunyai hubungannya dengan sejarah, alam dan juga habitat yang mempengaruhi perubahan dalam kehidupan manusia dan masyarakat (al-Jabri, 1994; Dhaouadi, 1997; Muhammad, 2010; Yahaya, 2018). Malah, kupasan mengenai '*umran*' dilihat mempunyai hubungan antara manusia, alam dan Tuhan yang Maha Pencipta (Allah SWT) (Yahaya, 2018; Ahmad, 2009). Ibn Khaldun (2001) membahagikan '*umran*' kepada tiga bentuk atau fasa, iaitu '*umran badawi*' (kemakmuran di padang pasir), '*umran hadhari*' (kemakmuran di kota) dan '*umran al-'alam*' (kemakmuran sejagat).

Menurut Lacoste (1984), pembangunan negara mempunyai kaitannya dengan '*umran*' kerana perbahasan Ibn Khaldun mengenai '*umran*' di dalam karyanya merujuk kepada keseluruhan aspek fenomena kehidupan manusia yang merangkumi permasalahan ekonomi, demografi, budaya, politik dan aktiviti-aktiviti sosial. Ibn Khaldun menggunakan istilah '*umran*' untuk merujuk kepada tahap kemajuan dan pembandaran yang dicapai dalam sesebuah masyarakat dari segi konsep makro yang memperlihatkan pencapaian sesebuah negara dari segi populasi atau kepadatan berpenduduk, pembinaan bangunan dan seterusnya mempunyai kepelbagaian aktiviti sosial dan ekonomi yang penting untuk memajukan kehidupan.

Yahaya (2018) mengutarakan pandangan beliau dengan mengatakan bahawa teori '*umran*' diciptakan khas oleh Ibn Khaldun dengan tujuan bagi menangani isu-isu global, terutamanya berkaitan dengan pembangunan masyarakat dan alam sekitar menerusi pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu sejarah, sosiologi, geografi, logik, ekonomi, politik, psikologi, falsafah, agama, demografi, sains tabi'i, pendidikan, etnologi, antropologi dan bahasa (Faghirkzadeh, 1982). Malah, ilmu ini juga turut merentasi disiplin ilmu dan menangani isu-isu global secara holistik dengan melibatkan seluruh aspek pembangunan dari pelbagai dimensi dan pendekatan, sama ada dari aspek fizikal, spiritual dan mental dan kesemuanya diletakkan dalam kawalan hukum agama dan akhlak (Yahaya, 2018).

Berdasarkan idea dan kupasan Ibn Khaldun mengenai '*umran*', terdapat beberapa elemen-elemen utama yang dilihat mempengaruhi pembangunan sesebuah masyarakat, negara dan tamadun yang makmur dan lestari, iaitu kuasa pemerintahan, masyarakat, '*asabiyah*', agama, ekonomi, akhlak dan geografi persekitaran (Ibn Khaldun, 2001; Lacoste, 1984; Chapra, 2006; Sulaiman, 2001; Yahaya, 2018; El-Kholei, 2019; Karahanli, 2021). Elemen-elemen ini juga saling berhubung antara satu sama lain serta mempengaruhi pembentukan dan pembangunan sesebuah negara dan tamadun (Chapra, 2006).

Hubungan antara elemen-elemen ini dapat dilihat apabila sesebuah masyarakat atau sekelompok manusia mempunyai semangat '*asabiyah*' yang kuat, maka akan terbentuk sebuah kuasa pemerintahan. Semangat '*asabiyah*' pula terbentuk melalui agama dan kesefahaman dalam masyarakat. Kuasa pemerintahan yang mempunyai semangat '*asabiyah*' kuat pula dapat membentuk sebuah negara. Bagi membangunkan sebuah negara memerlukan kepada harta, iaitu melalui aktiviti perekonomian dan juga geografi persekitaran yang kondusif bagi memastikan kelestarian negara tersebut. Di samping itu, aspek akhlak juga memainkan peranan penting bagi memelihara kelestarian pembangunan sesebuah negara kerana pemimpin dan rakyat yang berakhlak dapat menjauhkan negara daripada kebinasaan dan kemusnahan akibat daripada kerakusan kuasa dan juga ketamakan harta (Ibn Khaldun, 2001; Chapra, 2006; El-Kholei, 2019).

Apabila elemen-elemen ini dapat dibangunkan dan dilestarikan, maka negara juga akan terus membangun dan berkembang serta membawa perubahan kepada perkembangan fasa '*umran*', iaitu daripada negara yang berada dalam fasa '*umran badawi*' akan berubah kepada fasa '*umran hadhari*'. Seterusnya apabila fasa '*umran hadari*' dapat dilestarikan dan terus membangun akan membawa kepada terbentuknya '*umran al-'alam*' atau kemakmuran sejagat (Ibn Khaldun, 2001).

Perbincangan

Berdasarkan huraiyan di atas, berikut diperincikan perbincangan berkaitan kecemerlangan Tamadun Islam di Andalus berdasarkan teori '*umran*' Ibn Khaldun.

1. Tamadun Islam Andalus

Andalus merupakan sebuah kerajaan Islam yang menempa kecemerlangan tamadun sehingga dikagumi oleh masyarakat di seluruh dunia. Ia merupakan sebuah tamadun Islam yang berkembang bumi Eropah, iaitu di Semenanjung Iberia, Sepanyol. Islam disebarluaskan di bumi Sepanyol pada era pemerintahan kerajaan Banu Umayyah bermula tahun 711 Masihi melalui usaha tokoh seperti Musa bin Nusair, Tharif bin Malik dan Tariq bin Ziyad.

Sebelum tersebarnya Islam di Sepanyol, masyarakatnya yang majoriti beragama Kristian hidup dalam Zaman Kegelapan (*Dark Ages*) disebabkan kejahanan ilmu, kepercayaan tahuyl yang membenggungu mereka dan juga penindasan yang dilakukan oleh pemerintah kerajaan Visigoth ke atas masyarakat di wilayah tersebut. Namun, setelah kemasukan Islam, ketamadunan di Sepanyol terus berkembang sehingga mencapai era kegemilangan di bawah pemerintahan kerajaan Islam. Perkembangan budaya dan tamadun yang dilaksanakan oleh pemerintah Islam, khususnya pemerintah kerajaan Banu Umayyah di Andalus merangkumi Arabisasi, budaya keilmuan, pembangunan ekonomi dan bandar serta inovasi sains dan teknologi.

Pemerintah kerajaan Banu Umayyah di Andalus dilihat sebagai penyumbang terbesar kepada kecemerlangan tamadun Islam wilayah tersebut, iaitu bermula dengan pemerintahan *Amir Abdul Rahman I al-Dakhil* (756-788 Masihi) yang memperkenalkan bentuk pemerintahan beraja di Andalus. Dalam pada itu beliau juga membuka peluang bagi pelbagai etnik untuk berkhidmat sebagai tentera dalam kerajaannya. Tindakan ini menunjukkan kebijaksanaan beliau dalam mengukuhkan benteng pertahanan negara di bawah pentadbirannya. Selain itu, beliau juga adalah pemerintah kerajaan Banu Umayyah pertama yang membangunkan Masjid Jami' Cordova bagi menggalakkan perkembangan syiar Islam, membina *aqueduct* untuk membekalkan air bersih ke pusat bandar Cordova, di samping membina tembok-tembok dan taman-taman di Cordova (Ibn al-Qutiyyah, 1989; Mokhtar, 2013).

Seterusnya, anaknya yang bernama *Amir Hisham I* (788-796 Masihi) telah dilantik sebagai pemerintah menggantikan ayahandanya. Antara pencapaian yang ditempa semasa zaman pemerintahan beliau ialah dari segi pemerintahan yang adil dan perkembangan ilmu serta bahasa Arab di pusat pengajian bagi kaum beragama Kristian dan Yahudi di Sepanyol. Pada zaman pemerintahan *Amir al-Hakam I ibn Hisyam I* (796-822 Masihi) pemerintahan Islam mengalami kemerosotan disebabkan cukai yang tinggi dan kekerasan pemerintah (Anon, 1989; Mokhtar, 2013).

Pemerintahan *Amir al-Hakam I* diwarisi oleh anaknya, *Amir Abdul Rahman II* (822-852 Masihi) yang memerintah secara adil dan bijaksana. Beliau menumpukan usaha ke arah memperkembangkan budaya ilmu dalam masyarakat, khususnya melalui pembinaan perpustakaan Cordova yang menempatkan pelbagai khazanah ilmu dan juga mengalakkan kegiatan penyelidikan sehingga munculnya pelbagai ciptaan dan teknologi baru. Pembangunan dan kemajuan kota Cordova telah dilaksanakan oleh *Amir 'Abd al-Rahman II* berjaya menjadikan sebagai kota Baghdad Kedua dengan pembinaan istana-istana dan taman-taman yang indah. Di samping itu, beliau turut membina masjid di bandar-bandar utama seperti di Seville, rumah-rumah tumpangan, jambatan-jambatan, kolam-kolam, jalan raya baru serta tembok-tembok dan menara kawalan di sekitar persisiran pantai Andalus (Ibn 'Idhari, 1980; Dozy, 2001; Mokhtar, 2013).

Semasa zaman pemerintahan *Muhammad I* (852-886 Masihi), *al-Mundhir* (886-888 Masihi) dan '*Abd Allah* (888-912 Masihi) menyaksikan berlakunya pemberontakan dalam kalangan rakyat dan pelbagai masalah dalaman negara. Pergolakan yang berlaku telah menyebabkan berlakunya kemerosotan ekonomi dan kuasa politik kerajaan Banu Umayyah di Andalus. Namun begitu, situasi pergolakan dan kemerosotan yang berlaku berjaya ditangani oleh Khalifah '*Abd al-Rahman III* (912-961 Masihi) dan sekali gus berjaya membangun dan memajukan semula Andalus. Zaman ini dikatakan sebagai kemuncak kegemilangan tamadun Islam di Andalus (Ibn 'Idhari, 1980; Safran, 1994; Safran, 1998; Said, 2017)

Legasi kecemerlangan tamadun Islam pada zaman pemerintah Khalifah '*Abd al-Rahman III* diteruskan oleh anaknya, Khalifah *al-Hakam II* (961-976 Masihi). Di bawah pemerintahan Khalifah *al-Hakam II* aktiviti keilmuan bertambah rancak dan muncul ramai tokoh-tokoh ilmuan yang terkenal dalam pelbagai bidang. Kecemerlangan dan peranan besar Khalifah '*Abd al-Rahman III* dan *al-Hakam II* dalam mengembangkan tradisi keintellectualan di Andalus dijelaskan oleh Siddiqi (1967) :

"In the tenth century A.D. when Cordova (the Umayyad capital of Spain) began to rival Baghdad, the tide of the flow of culture and learning was turned. During the subsequent centuries increasingly more students from the Muslim East and the Christian Europe flocked at the Universities of Cordova, Toledo, Granada and Seville to drink deep from the wells of learning that flowed there in abundance."

Khalifah al-Hakam II diganti oleh anaknya, Hisham II ibn al-Hakam II (1013 Masihi) yang berusia 12 tahun. Oleh kerana usia yang terlalu muda, beliau dibantu oleh penasihat bernama Muhammad ibn Abi Amir atau masyhur dengan gelaran al-Mansur (981-1002 Masihi). Semasa era pemerintahan Khalifah Hisham II, al-Mansur telah memindahkan pusat pentadbiran negara dari Madinat al-Zahra' ke sebuah bandar baru yang dibinanya yang dinamakan Madinat al-Zahirah. Dengan campur tangan al-Mansur dan anak-anaknya, 'Abd al-Malik (1002-1008 Masihi) dan 'Abd al-Rahman (1008-1009 Masihi) dalam urusan pentadbiran kerajaan Banu Umayyah telah menandakan bermulanya era kemerosotan kuasa Banu Umayyah di Andalus sehingga membawa kepada kejatuhan kerajaan tersebut pada tahun 1031 Masihi. Pada era kemerosotan kuasa kerajaan Banu Umayyah, muncul kuasa kerajaan-kerajaan kecil yang dikenali sebagai *Muluk al-Tawa'if* yang memerintah wilayah-wilayah Andalus secara autonomi sekitar pada abad ke-11 Masihi seperti kerajaan Banu Hammud di Cordova, Banu 'Abbad di Seville, kerajaan Banu Hud di Saragossa, kerajaan Banu Aftas di Badajoz, Kerajaan Banu Ziri di Granada dan beberapa kerajaan lain (al-Sirjani, 2011).

Perpecahan yang berlaku di Andalus telah menandakan kelemahan kuasa Islam di Andalus dan membuka peluang kepada kerajaan Kristian di utara Sepanyol untuk menyerang dan menguasai wilayah-wilayah Islam Andalus. Akhirnya pada abad ke-13 hingga 15 Masihi, wilayah kekuasaan Islam yang tersisa hanyalah di sekitar Granada, Almeria dan Malaga yang ditadbir oleh kerajaan Banu Nasriyyah. Di bawah pemerintahan kerajaan Banu Nasriyyah pembangunan tamadun Islam masih terus berkembang pesat seperti pembinaan istana Alhambra oleh Sultan Muhammad I ibn Ahmar (1238-1273 Masihi) dan tertubuhnya Universiti Granada berdasarkan seni bina Morocco dan ia terkenal dengan jolokan *Dar al-Ilm* atau *Madrasah al-Nasriyyah* oleh Sultan Yusuf I (1333-1354 Masihi) pada 1349 Masihi. Di universiti Granada terdapat pelbagai bidang keilmuan yang berkembang seperti ilmu perubatan, kimia, astronomi, falsafah dan undang-undang (Hamzah, 1999; Mahmud, 1960).

Menurut al-Sirjani (2011), suasana politik Islam di Granada tidak menentu. Ada kalanya kuat dan ada kalanya lemah, ada kalanya aman dan ada kalanya berlaku pergolakan. Walau bagaimanapun, dalam ketidaktentuan tersebut aktiviti ekonomi dan kebudayaan terus berkembang di bawah naungan kerajaan Banu Nasriyyah seperti industri pembuatan kapal, pakaian, kertas, kulit serta seni perhiasan dan binaan yang mengagumkan. Namun demikian, satu-satunya kuasa Islam di Andalus ketika itu tidak dapat menangkis kekuatan kerajaan Kristian yang sentiasa memberi tekanan wilayah Islam tersebut sehingga membawa kepada kejatuhan kuasa Islam di Andalus pada tahun 1429 Masihi.

2. Faktor Kecemerlangan Tamadun Islam Andalus

Safran (1994 & 1998) menyatakan bahawa kemuncak kemakmuran dan keteguhan pemerintahan kerajaan Islam di Andalus adalah semasa pemerintahan Khalifah 'Abd al-Rahman III. Ini kerana beliau menguasai hampir seluruh semenanjung Iberia dan juga mengisyiharkan institusi *khilafah* di Andalus. Era kegemilangan di Andalus tidak hanya disebabkan oleh kekuatan politik, ketenteraan dan kemajuan ekonomi yang dibangunkan oleh Khalifah 'Abd al-Rahman III akan tetapi turut melibatkan kejayaan beliau menyatukan masyarakat Andalus melalui sikap toleransi agama dan budaya dalam kalangan masyarakat Andalus yang berbilang bangsa. Penjelasan tentang faktor-faktor kecemerlangan tamadun Islam di Andalus berdasarkan teori '*umran* adalah seperti berikut:

Sistem pemerintahan yang sistematis dan efektif

Ibn Khaldun (2001) menjelaskan bahawa pemerintahan yang efektif dan juga berkesan dalam membangun sesebuah negara yang dinamik memerlukan kepada pemerintah yang adil, mempunyai pengetahuan tentang pemerintahan serta mempunyai '*asabiyyah* yang kuat dalam kalangan penyokongnya (Rabi', 1967). Khalifah 'Abd al-Rahman III telah memulakan usaha pembangunan negara Andalus dengan menyusun kembali sistem pentadbiran negara dan juga melancarkan ekspedisi ketenteraan secara besar-besaran bagi menundukkan

pemberontakan di dalam wilayah Andalus dan juga menangkis serangan daripada kerajaan Kristian di utara Semenanjung Iberia.

Dalam menyusun sistem pentadbiran negara, Khalifah ‘Abd al-Rahman III telah melakukan beberapa pembaharuan terhadap polisi pentadbiran kerajaan Banu Umayyah seperti mengurangkan pengaruh aristokrasi bangsa Arab, membuka ruang kepada masyarakat bukan Arab dan juga bukan Islam serta wanita untuk menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran kerajaan. Tindakan Khalifah ‘Abd al-Rahman III mengurangkan pengaruh aristokrasi bangsa Arab dan membuka peluang kepada bangsa bukan Arab dan bukan Islam menjawat jawatan yang tinggi dalam pentadbiran negara adalah bertujuan untuk menyeimbangkan kuasa politik dalam institusi kerajaan disebabkan oleh masyarakat majmuk yang terdapat di Andalus yang terdiri daripada bangsa Arab, Berber, Sepanyol dan Yahudi. Polisi ini juga secara tidak langsung bertujuan untuk membentuk kesatuan ‘asabiyyah dalam kalangan masyarakat Andalus yang bukan berbangsa Arab dan bukan Islam, khususnya dalam kalangan penduduk Kristian dan Yahudi (Kearns, 2012; Mackay, 2012).

Selain itu, polisi baru pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III yang tidak pernah dilakukan oleh pemerintah sebelumnya adalah menggunakan gelaran khalifah. Beliau telah mengisyiharkan dirinya sebagai khalifah pertama di Andalus dengan menggunakan gelaran *Amir al-Mukminin al-Nasir li Dinillah* pada tahun 929 Masihi. Pengisytiharan gelaran tersebut secara tidak langsung menamatkan era pemerintahan *imarah* kerajaan Banu Umayyah dan memulakan era pemerintahan *khilafah* kerajaan Banu Umayyah di Andalus.

Menurut Ibn Khaldun (2001), kemakmuran sangat (*'umran al-'alam*) terbentuk menerusi permuafakatan antara kelompok masyarakat yang terdiri daripada masyarakat *badawi* dan *hadari* sehingga melahirkan satu semangat ‘asabiyyah sesama mereka. Permuafakatan ini berlaku melalui proses perluasan kuasa sehingga terbentuknya sebuah kerajaan yang hebat dan digeruni yang menyebabkan kerajaan lain tunduk dan patuh kepada kekuasaannya. Khalifah ‘Abd al-Rahman III melaksanakan polisi perdamaian dengan penguasa-penguasa Berber di Afrika Utara seperti ketua Berber Zanatah, ketua Berber Miknash, penguasa Tangier serta penguasa Nakur dan Nafzah dalam menjamin keselamatan Andalus daripada serangan kerajaan Fatimiyyah ke atas Andalus. Permuafakatan ini juga telah membentuk semangat ‘asabiyyah antara kerajaan Banu Umayyah dan penguasaan Afrika Utara, terutamanya setelah pengisytiharan status khalifah oleh Khalifah ‘Abd al-Rahman III (Ibn Hayyan, 1979; Ibn ‘Idhari, 1980).

Selain itu, Khalifah ‘Abd al-Rahman III turut melaksanakan polisi ekspedisi ketenteraan secara besar-besaran di dalam dan di kawasan sempadan Andalus bagi menundukkan dan menewaskan kumpulan pemberontak dan penentang-penentang yang bermaharajalela serta memerintah secara autonomi semasa era kemerosotan kuasa Banu Umayyah sebelumnya. Melalui 56 ekspedisi ketenteraan darat dan laut di dalam dan di sempadan utara wilayah Andalus serta di Afrika Utara, Khalifah ‘Abd al-Rahman III berjaya membuktikan kekuasaannya dan kekuatan ketenteraan yang dimilikinya. Kehebatan yang dimiliki beliau menyebabkan ramai pemerintah kerajaan-kerajaan Kristian di Eropah seperti Byzantine, Frank Timur, Frank Barat, Jerman, Itali dan Barcelona mengagumi dan menggeruni kekuasaan beliau serta menjalinkan hubungan diplomasi dengannya (El-Hajj, 1970; Ibn Hayyan, 1979). Kehebatan kuasa kerajaan Banu Umayyah yang dibangunkan oleh Khalifah ‘Abd al-Rahman III ini telah diwarisi oleh Khalifah al-Hakam II apabila beliau berjaya mengekal keamanan dan keselamatan Andalus daripada ancaman kerajaan Kristian dan juga kerajaan Fatimiyyah (Imamuddin, 1960).

Kemajuan pesat dalam bidang ekonomi

Pembangunan ekonomi adalah antara elemen penting yang diberi perhatian oleh Ibn Khaldun dalam perbincangan tentang teori ‘umran kerana tanpa pertumbuhan ekonomi yang baik ia akan menjelaskan perkembangan ‘umran dan juga pembangunan sesebuah negara. Kepesatan ekonomi merujuk kepada pertambahan penduduk sesebuah bandar atau kota, kewujudan peluang pekerjaan, kecanggihan peralatan, kestabilan mata wang serta wujudnya kepelbagaiannya industri perusahaan. Kepesatan aktiviti perekonomian juga dapat mengubah keadaan atau fasa ‘umran dalam sesebuah negara (Ibn Khaldun, 2001; Boulakia, 1971).

Semasa pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III, aktiviti perekonomian di Andalus telah kembali aktif dan pesat berbanding zaman sebelumnya disebabkan oleh keamanan dan juga sistem percukaian yang adil. Seperti mana yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun (2001), pengurangan cukai oleh pemerintah dapat meningkatkan minat rakyat untuk mengusahakan aktiviti perekonomian. Selain itu, kestabilan mata wang juga

memberi impak besar kepada ekonomi negara Andalus apabila Khalifah ‘Abd al-Rahman III berjaya mengukuhkan nilai mata wang dengan meningkatkan nilai mata wang dirham dan juga memperkenalkan semula penggunaan mata wang dinar (Imamuddin, 1981; Miles, 1950; Ecker, 2004).

Apabila pemerintah memberi perhatian kepada polisi ekonomi, maka hasil pengeluaran negara juga akan meningkat (Ibn Khaldun, 2001). Khalifah ‘Abd al-Rahman III sangat memberi perhatian dalam usaha memperluaskan sektor perindustrian dan perusahaan di Andalus. Beliau memperkenalkan tanaman pertanian baru serta memperkembangkan tanaman pertanian bagi tujuan komersial dan eksport. Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan Khalifah al-Hakam II juga menggalakkan pengkajian berkaitan pertanian dan menyediakan infrastruktur bagi meningkatkan hasil perekonomian seperti membina *naurah* (kincir air), jalan raya serta memberi jaminan keselamatan kepada para pedagang luar yang berdagang di Andalus. Selain itu, beliau turut mengembangkan aktiviti perlombongan dengan membuka semula kawasan perlombongan emas yang telah dihentikan semasa era pemerintahan *imarah* Banu Umayyah (Imamuddin, 1981; Imamuddin, 1960).

Penjanaan hasil ekonomi yang banyak dan melimpah telah menghasilkan lebihan produk yang menyebabkan harga barang keperluan menjadi murah dan boleh dieksport ke negara-negara luar sekali gus meningkatkan kemakmuran dan pendapatan negara (Ibn Khaldun, 2001; Boulakia, 1971). Ibn Hawqal (1992) mencatatkan bahawa harga makanan dan buah-buahan di Andalus adalah sangat murah berbanding negara lain. Malah, terdapat produk-produk keluaran Andalus yang dieksport keluar negara seperti minyak zaitun dan buah-buahan (Yusuf, 2012). Ibn Hawqal (1992) turut menyatakan bahawa Andalus juga mempunyai tekstil yang terbaik dan berkualiti. Ini menunjukkan bahawa kemahiran (*malakah*) yang terdapat di Andalus telah berakar umbi dan mencapai kesempurnaan sehingga mampu menghasilkan produk-produk yang banyak dan berkualiti.

Pembangunan bandar yang kondusif dan selamat

Ibn Khaldun (2001) menyatakan bahawa persekitaran yang bersih dan pengudaraan yang segar dapat melestarikan ‘*umran* kerana apabila sesebuah bandar atau kota berada dalam keadaan yang kotor dan pengudaraan yang busuk akan menyebabkan wabak penyakit mudah tersebar dan seterusnya membawa kepada kematian penduduk. Hal ini boleh menyebabkan ‘*umran* dalam sesebuah negara merosot dan musnah (Abdullah, 2021).

Menerusi catatan Ibn Hawqal (1992), beliau menyatakan bahawa seluruh kawasan di kota Cordova berada dalam keadaan yang bersih, meskipun kota tersebut mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun Cordova mempunyai kepadatan penduduk dan aktiviti perekonomian yang pesat, aspek kebersihan sangat dititikberatkan oleh pemerintah dan juga rakyat Andalus. Selain itu, Ibn Hawqal (1992) juga memuji pembangunan kawasan bandar dan juga kawasan luar bandar di Andalus yang mempunyai infrastruktur dan kemudahan awam yang lengkap. Menurut beliau, di setiap bandar di Andalus mempunyai masjid-masjid yang makmur, pasar, tempat jualan, rumah tumpangan bagi pengembara dan tempat mandian awam (Ibn Hawqal, 1992).

Selain itu, Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan Khalifah al-Hakam II juga sangat menitikberatkan hal ehwal sistem perhubungan, komunikasi dan keselamatan negara dengan memastikan laluan perhubungan dan pusat komunikasi dan kawalan antara bandar berada dalam keadaan baik dan efisien. Mereka sentiasa memastikan laluan perhubungan berada dalam keadaan baik, jalan-jalan lama dibaik pulih dan diselenggara dan jalan-jalan baru dibina bagi kemudahan para pengembara dan pedagang dan juga untuk kegunaan semasa ekspedisi ketenteraan (Imamuddin, 1960).

Dalam pada itu, sistem komunikasi turut dipertingkatkan dengan membangunkan beberapa pos berkuda di setiap tempat dalam wilayah Andalus bagi menyampaikan berita dan maklumat dengan lebih cepat dan efisien. Aspek keselamatan turut diperketatkan dengan mendirikan beberapa buah pos kawalan polis bagi menjaga keselamatan para pengembara dan pedagang yang melalui jalan-jalan antara bandar atau daerah daripada gangguan kumpulan penyamun dan perompak. Menara-menara kawalan juga dibina di sepanjang kawasan pantai di sekitar Andalus bagi memantau pergerakan musuh, khususnya pencerobohan melalui laut bagi menjaga keselamatan bandar yang berada kawasan persisiran dan juga pelabuhan-pelabuhan. Pemerintah Andalus turut menyediakan hospital, rumah-rumah rehat bagi golongan gelandangan, rumah anak yatim dan juga perpustakaan awam (Imamuddin, 1960).

Rentetan daripada usaha tersebut Cordova membangun menjadi bandar yang maju dan indah pada penghujung abad ke-10 Masihi sehingga digelar sebagai ‘permata dunia’ dan ‘bride of al-Andalus’ kerana kecantikan dan pembangunan bandar yang dilakukan oleh pemerintahnya (al-Maqqari, 1988; Hillerbarand, 1992; Menocal, 2002). Adalah dianggarkan bahawa di Cordova terdapat kira-kira setengah juta penduduk, 113,000 buah rumah (tidak termasuk rumah milik menteri-menteri dan pembesar-pembesar), lebih 3,000 buah masjid, 300 hingga 700 buah tempat mandian awam dan 21 buah kawasan kejiraninan. Di setiap kawasan kejiraninan ini mempunyai masjid, pasar dan tempat mandian awam tersendiri. Dalam pada itu, di luar kawasan kota Cordova pula terdapat sejumlah 3,000 buah kawasan perkampungan (Ibn ‘Idhari, 1980; al-Maqqari, 1978).

Selanjutnya, menerusi pelaksanaan ekspedisi ketenteraan, Khalifah ‘Abd al-Rahman III berjaya menyatukan masyarakat Andalus yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama serta membentuk negara yang aman daripada sebarang pemberontakan dan penentangan pada 20 tahun terakhir pemerintahan beliau. Kemakmuran dan keamanan tersebut berterusan sehingga zaman pemerintahan Khalifah al-Hakam II (Ibn Hayyan, 1979; Ibn ‘Idhari, 1980).

Toleransi bangsa dan agama

Pemupukan semangat ‘asabiyah khususnya dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk amat relevan dan efektif demi mengukuhkan kuasa pemerintahan berbanding ‘asabiyah yang bersifat keturunan dan bangsa. Seandainya pemerintah hanya memupuk semangat ‘asabiyah dalam kalangan satu-satu bangsa atau agama sahaja dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk, maka akan berlaku pelaksanaan polisi pemerintahan yang tidak adil dan menzalimi bangsa dan agama yang lain (Rabi’, 1967). Ibn Khaldun (2001) menyatakan bahawa pemerintahan dan kekuasaan hanya dapat ditegakkan dengan adanya ‘asabiyah yang kuat dalam kalangan penyokong dan penduduk sesebuah negara, sekali gus dapat memelihara kelestarian pemerintahan dan kemakmuran negara tersebut.

Dalam membentuk persekitaran negara yang aman dan makmur, Khalifah ‘Abd al-Rahman III telah membentuk kebersamaan hidup (*convivencia*) antara masyarakat beragama Islam, Kristian dan Yahudi melalui polisi toleransi terhadap semua agama yang terdapat di Andalus. Beliau dilihat sebagai pemerintah Banu Umayyah yang paling bertoleransi di Andalus (Allen, 2009). Antara polisi toleransi yang dilaksanakan oleh beliau ialah mewujudkan peluang yang sama rata kepada setiap bangsa dan penganut agama untuk menjawat jawatan dalam institusi kerajaan serta pelaksanaan sistem percukaian yang adil kepada penduduk Islam dan bukan Islam. Pelaksanaan polisi yang adil dan saksama telah mengurangkan penentangan daripada penduduk Kristian dan Yahudi terhadap pemerintahan kerajaan Banu Umayyah. Keadaan ini secara tidak langsung membentuk persekitaran yang aman dan makmur dalam kalangan masyarakat di Andalus (Imamuddin, 1963; Allen, 2009).

Toleransi bangsa dan agama semasa era pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan al-Hakam II secara tidak langsung membentuk satu semangat ‘asabiyah kenegaraan dalam masyarakat Andalus yang majmuk. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat Andalus saling bekerjasama dan hormat-menghormati sesama mereka dalam memaju dan membangunkan Andalus terutamanya dari aspek kebudayaan, penjanaan ekonomi dan juga aktiviti keilmuan. Antara masyarakat Islam, Kristian dan Yahudi yang menyumbang dalam perkembangan tamadun di Andalus ialah Ibn al-Qutiyah, Abu ‘Ali al-Qali, Faqih Abu Ibrahim dan Abu Bakr ibn Mu‘awiyyah yang merupakan tenaga pengajar di universiti Cordova; al-Zahrawi yang terkenal dalam bidang perubatan dan karyanya *Kitab al-Tasrif*; Hasday ibn Shaprut seorang doktor, ilmuan dalam bidang perubatan, menteri dan juga diplomat kepada Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan al-Hakam II; Moses ibn Hanuch (m. 965 Masihi) yang mengasaskan salah satu pusat pendidikan di Cordova; dan Recemund yang merupakan ketua paderi, diplomat dan ilmuan dalam bidang pertanian (al-Maqqari, 1988; Allen, 2009; Chavoushi et al., 2012; Kearns, 2012).

Naungan istana terhadap aktiviti keilmuan

Kepentingan ilmu pengetahuan turut ditekankan oleh Ibn Khaldun (2001) dalam membincangkan hal ehwal ‘umran. Beliau menyatakan bahawa ilmu pengetahuan adalah penting untuk melestarikan pembangunan sesebuah negara, meskipun kepesatan aktiviti keilmuan biasanya berlaku dalam kehidupan yang mencapai

fasa ‘umran hadari. Ilmu pengetahuan merupakan salah satu daripada indikator dalam menentukan kedudukan tamadun dan pencapaian dalam sesebuah negara kerana pembangunan dan kemerosotan sesebuah negara bergantung kepada perkembangan dan kemerosotan bidang keilmuan. Hal ini disebabkan oleh peranan ilmu pengetahuan dan pendidikan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dari aspek akhlak, keilmuan dan kemahiran (*malakah*) dalam sesebuah negara (Ssekamanya, 2007; Abdullah, 2014). Melalui pembangunan kemahiran (*malakah*) insani, aktiviti perekonomian dapat dibangunkan dengan pesat kerana lahirnya modal insan yang produktif dan inovatif yang dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara dan juga rakyat. Penghasilan modal insan yang berkualiti adalah bergantung kepada kejayaan pemerintah dalam menyediakan pendidikan yang baik kepada rakyatnya (Ssekamanya, 2007).

Bagi melahirkan masyarakat yang maju dan berdaya saing, *Amir ‘Abd al-Rahman II*, Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan Khalifah al-Hakam II telah membentuk persekitaran intelektual di Andalus dengan membangunkan institusi pendidikan dan memberi naungan kepada aktiviti keilmuan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti di Andalus. Perkembangan ilmu perubatan di Andalus adalah seawal zaman pemerintahan *Amir ‘Abd al-Rahman II* yang telah menaungi dan menggalakan pelajar perubatan yang mendapat latihan di Baghdad untuk membuka sekolah perubatan di Cordova. Selain itu, beliau juga telah mengasaskan perpustakaan diraja di Cordova yang kemudian diperbesar dan diperhebatkan melalui pengumpulan buku-buku pada zaman Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan al-Hakam II (Imamuddin, 1981).

Glick (2005) dan Allen (2009) menyatakan bahawa perkembangan aktiviti saintifik yang pesat adalah bermula pada abad ke-10M di bawah naungan pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan *wazir* Hasday ibn Shaprut. Antara usaha yang dilaksanakan oleh khalifah dalam mengembangkan persekitaran intelektual di Andalus adalah dengan membina sekolah-sekolah di sekitar pelosok wilayah Andalus, mengasaskan universiti, dan memberi naungan pendidikan kepada setiap rakyatnya dengan menyediakan biasiswa pengajian dan menggajikan tenaga pengajar. Perkembangan aktiviti keilmuan dan persekitaran kreatif yang dibangunkan oleh Khalifah ‘Abd al-Rahman III telah menarik minat sarjana luar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan juga menyebarkan ilmu mereka di Andalus, khususnya di kota Cordova (Sulaiman, 2020).

Aktiviti keilmuan di Andalus diperhebatkan lagi semasa pemerintahan Khalifah al-Hakam II menerusi naungan beliau terhadap aktiviti kajian saintifik dan pembinaan 27 buah sekolah yang percuma kepada masyarakat Andalus. Naungan pendidikan yang meluas ini menjadikan hampir seluruh masyarakat Andalus boleh membaca dan menulis pada zamannya (Dozy, 2001). Semasa pemerintahan Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan al-Hakam II, mereka telah mengimport buku-buku dari Baghdad, Mesir dan negara-negara timur lain dan menaungi para ilmuan tempatan dan juga luar bagi menjadikan Cordova sebagai pusat intelektual seperti di Baghdad (Talib & Abdullah, 2019). Semasa pemerintahan Khalifah al-Hakam II, beliau memiliki sekitar 600,000 naskah buku. Ibn Khaldun (2000) menyatakan bahawa jumlah buku yang dikumpulkan semasa zaman Khalifah al-Hakam II adalah yang terbanyak yang tidak pernah dicapai pada zaman sebelumnya dan juga selepasnya.

Meskipun demikian, semasa zaman pentadbiran Andalus oleh al-Mansur beliau telah menghapuskan buku-buku berkaitan falsafah dan sains di perpustakaan khalifah. Namun, aktiviti saintifik masih terus berkembang pesat di bawah pemerintahan *Muluk al-Tawa’if* pada abad ke-11 Masihi. Taton (1963) menyatakan bahawa tamadun Islam di Andalus mencapai zaman kemuncak keemasan dan kegemilangan dalam bidang keintelektualan pada abad ke-11 Masihi dengan lahirnya ramai ilmuan yang memberi sumbangan besar kepada perkembangan ilmu di Andalus dan juga Eropah. Antara ilmuan yang memberi sumbangan besar kepada bidang keilmuan di Andalus ialah Ahmad ibn ‘Umar al-‘Udhri (1003-1085 Masihi) dan Abu ‘Ubayd Abd Allah al-Bakri (1040-1094 Masihi) dalam bidang geografi dan sejarah; Abu al-Qasim al-Zahrawi (936-1013 Masihi) dan Abu Dawud Sulaiman ibn Hassan ibn Juljul (934-994 Masihi) dalam bidang sains tabii; Maslamah al-Majriti (950-1007 Masihi) dan Abu Ishaq al-Zarqali (1029-1100 Masihi) dalam bidang astronomi; Ahmad ibn Khalaf al-Muradi (sekitar abad ke-11 Masihi) dalam bidang kejuruteraan; ‘Abd al-Rahman ibn Wafid (999-1075 Masihi) dan ‘Abd Allah ibn Bassal (1050 Masihi) dalam bidang pertanian; Abu Muhammad ibn Hazm (994-1064 Masihi) dalam bidang falsafah (Imamuddin, 1981; Baharudin, 1986; Sulaiman, 2020).

Kesimpulan

Berdasarkan kepada teori ‘*umran*’ Ibn Khaldun, kuasa pemerintahan, masyarakat, ‘*asabiyyah*’, agama, ekonomi, akhlak dan geografi persekitaran merupakan antara faktor atau elemen yang sangat penting dalam membangunkan sesebuah negara yang makmur. Elemen-elemen ini juga saling berhubungan dan mempengaruhi antara satu sama lain dalam memastikan pembangunan dan kemakmuran sesebuah negara dapat dicapai. Oleh itu, berdasarkan pencapaian kegemilangan tamadun Islam di Andalus pada penghujung abad ke-10 Masihi jelas menunjukkan bahawa kesemua faktor dan elemen yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun turut dilaksanakan oleh pemerintah kerajaan Banu Umayyah, khususnya oleh Khalifah ‘Abd al-Rahman III dan al-Hakam II.

Bermula dengan pelaksanaan sistem pemerintahan yang sistematik dan efektif telah mengukuh dan menstabilkan kuasa kerajaan Banu Umayyah di Andalus. Apabila kekuasaan dan keamanan negara berjaya dibentuk maka aktiviti perekonomian dapat diperkembang dan dimajukan. Hasil daripada kepesatan ekonomi yang diraih pula dapat menjana kewangan negara dan membolehkan pembangunan bandar dibangunkan dan sistem pertahanan diperkuatkan. Pembangunan bandar yang kondusif dan selamat memberi keselesaan dan keharmonian kepada masyarakat Andalus. Keharmonian dalam masyarakat pula dicapai melalui toleransi antara semua bangsa dan agama di Andalus yang mempunyai masyarakat majmuk. Dengan wujudnya keamanan, kemajuan dan keharmonian dalam masyarakat maka aktiviti keilmuan dapat dikembangkan dengan pesat di Andalus. Di tambah pula dengan naungan yang diberikan oleh pemerintah menyebabkan aktiviti keilmuan menjadi lebih rancak dan membentuk persekitaran intelektual yang positif di Andalus.

Penghargaan: Penulisan ini merupakan sebahagian daripada hasil Geran Penyelidikan Bridging USM 304/PHUMANITI/ 6316305.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah diperolehi daripada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara semua pihak yang terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdullah S. & Talib, N. M. (2020). Pengaruh latar belakang pengalaman Ibn Khaldun di Afrika Utara, Andalusia dan Mesir terhadap penulisan Muqaddimah. Dlm. Maslan A. & Abdullah, S. (Eds.), *Gagasan tokoh dalam politik dan pemikiran* (hlm. 5-21). Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdullah, S., & Talib, N. M. (2019). Peace and universal welfare in al-Andalus during the reign of the Umayyad. In Akhir, N. S. M., Sulong, J. Harun, M. A. W., Muhammad, S., Lin, A. L. W., Abdullah, N. F. L., & Asl, M. P. (Eds.), Role(s) and relevance of humanities for sustainable development. *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*, 68 (hlm. 800-806). Future Academy. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.09.86>
- Abdullah, S. (2014). Preserving the iron craftsmanship in Pekan Darat based on theory of malakah by Ibn Khaldun. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(2), 212-230.
- Abdullah, S. (2021). The philosophical thoughts of Ibn Khaldun on pandemics as deterioration factors of human civilization. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(11), 1913-1921. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i11/11284>
- Ahmad, Z. (2009). Ucaptama Ibn Khaldun: tradisi ilmu dan relevansinya dalam wacana kontemporari. Dlm. Baharudin, A. Ahmad, Z., Deuraseh, N. Ismail, S. R. & Abdullah, H. (Eds.), *Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun dan relevansinya dalam tamadun kontemporari*, (hlm. 3-17). Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya & Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia. http://lib.perdana.org.my/PLF/PREVIEW/A26.5/1010978_PRE.pdf
- Alatas, S. F. (2013). *Ibn Khaldun: Makers of civilization*. Oxford University Press.
- al-Jabri, M. A. (1994). *Fikr Ibn Khaldun: al-‘asabiyyah wa al-dawlah*. Markaz Dirasat al-Wahdat al-‘Arabiyyah.

- Allen, M. P. (2009). *Cultural flourishing in tenth-century Muslim Spain among Muslims, Jews, and Christians*. [No. Penerbitan 1461129]. [Tesis Sarjana, Georgetown University]. ProQuest Dissertations Publishing.
- al-Maqqari, A. I. M. (1978). *Azhar al-riyad fi akhbar al-‘iyad* (Jil. 2). Sunduq Ahya’ al-Turath al-Islami.
- al-Maqqari, A. I. M. (1988). *Nafh al-tib min ghusn al-Andalus al-ratib* (Jil. 1). Dar Sadir.
- Al-Sirjani, R. (2011). *Qisat al-Andalus min al-fath ila al-suqut*. Mu’assah Iqra’.
- Anon. (1989). *Akhbar Majmu ‘ah*. Dar al-Kitab al-Misri.
- Baharudin, A. (1986). *Pengenalan tamadun Islam di Andalus*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Boulakia, J. D. C. (1971). Ibn Khaldun: A fourteenth-century economist. *Journal of Political Economy*, 79(5), 1105-1118. <https://www.journals.uchicago.edu/doi/abs/10.1086/259818>
- Chaouch, K. (2008). Ibn Khaldun, in spite of himself. *The Journal of North African Studies*, 13(3), 279-291. <https://doi.org/10.1080/13629380701844524>
- Chapra, M. U. (2006). Ibn Khaldun’s theory of development: Does it help explain the low performance of the present-day Muslim world? *Journal of Socio-Economics*, 37(2), 836–863. <https://doi.org/10.1016/j.socloc.2006.12.051>
- Chavoushi, S. H., Ghabili, K., Kazemi, A., Aslanabadi, A., Babapour, S., Ahmedli, R., & Golzari, S. E. (2012). Surgery for gynecomastia in the Islamic golden age: al-Tasrif of Al-Zahrawi (936-1013 AD). *ISRN Surgery*, 2012(934965). <https://doi.org/10.5402/2012/934965>
- Dhaouadi, M. (1997). *New explorations into the making of Ibn Khaldun’s umran mind*. A. S. Noordeen.
- Dhaouadi, M. (2005). The Ibar: lessons of Ibn Khaldun’s umran mind. *Contemporary Sociology*, 34(6), 585-591. <https://doi.org/10.1177/009430610503400602>
- Dozy, R. (2001). *Spanish Islam: A history of the Muslims Spain*. Goodworks Books.
- Ecker, H. (2004). *Caliphs and kings: The art and influence of Islamic Spain*. Arthur M. Sackler Gallery & Freer.
- El-Hajji, A. A. (1970). *Andalus diplomatic relations with Western Europe during the Umayyad period (A.H 138-366/A.D. 755-976): An historical survey*. Dar al-Irshad.
- El-Kholei, A. O. (2019). Ibn Khaldun’s ‘ilm al-‘umran: a model for planning the sustainable city in the Arab region. *Archnet-IJAR: International Journal of Architectural Research*. 13(2), 276-293. <https://doi.org/10.1108/ARCH-01-2019-0004>
- Enan, M. A. (2014). *Ibnu Khaldun: Riwayat hidup dan karyanya*. Mohd Puzhi Usop & Nik Haslina Nik Ibrahim (Terj.). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Faghfirzadeh, S. (1982). *Sociology of sociology: In search of Ibn-Khaldun’s sociology then and now*. The Soroush Press.
- Glick, T. F. (2005). *Islamic and Christian Spain in the early Middle Ages*. Brill.
- Hamzah, A. (1999). *Sejarah dan tamadun Islam di Andalus (711-1492 M)*. Hizbi Sdn. Bhd.
- Hillenbrand, R. (1992). “The ornament of the world”: Medieval Cordoba as a cultural centre. Dlm. Jayyusi, S. K. (Ed.), *The legacy of Muslim Spain* (hlm. 112-135). E. J. Brill.
- Ibn ‘Idhari, A. A. A. I. M. (1980). *Al-bayan al-Mughrib fi akhbar al-Andalus wa al-Maghrib* (Jil. 2). Dar al-Gharb al-Islami.
- Ibn al-Quttiyyah, M. I. U. (1989). *Tarikh iftitah al-Andalus*. Dar al-Kitab al-Misri.
- Ibn Hawqal, A. A. M. (1992). *Kitab surat al-ard*. Beirut.
- Ibn Hayyan, A. M. H. I. K. A. (1979). *Al-Muqtidas* (Jil. 5). Al-Ma’had al-Asbani al-‘Arabi li al-Thaqafah.
- Ibn Khaldun, A. A. (1967). *The Muqaddimah: An introduction to history*. (Rosenthal F., Trans.). Routledge and Kegan Paul.
- Ibn Khaldun, A. A. (1979). *Al-ta’rif bi Ibni Khaldun wa rihlatuhu gharban wa sharqan*. Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Ibn Khaldun, A. A. (2000). *Tarikh Ibni Khaldun*. Jil. 4. Dar al-Fikr.
- Ibn Khaldun, A. A. (2001). *Tarikh Ibni Khaldun*. Jil. 1. Dar al-Fikr.
- Imamuddin, S. M. (1960). *A political history of Muslim Spain*. Affiliated East-West Press Pvt. Ltd.
- Imamuddin, S. M. (1981). *Muslim Spain 711-1492 A. D.* E. J. Brill.

- Karahanli, H. (2021). Transcending the imperial concept of “civilization”: Recalling the concept of al-‘umran. *Mizanul-Hak: İslami İlimler Dergisi*, (12), 377-402. <https://doi.org/10.47502/mizan.862043>
- Kearns, R. R. G. (2008). The golden age of al-Andalus. [No. Penerbitan 1472167]. [Tesis Sarjana, California State University]. ProQuest Dissertations Publishing.
- Lacoste, Y. (1984). *Ibn Khaldun: The birth of history and the past of the third world*. Verso.
- Mackay, C. (1998). Coexistence among the peoples of the book under ‘Abd al-Rahman III. *International Journal of Middle East Studies*, 30(2), 183-187. <http://www.fitp.ca/articles/FITPXXII/Coexistence-Mackay.pdf>
- Mahdi, M. (1971). *Ibn Khaldun's philosophy of history: a study in the philosophic foundation of the science of culture*. The University of Chicago Press.
- Mahmud, S. F. (1960). *A short history of Islam*. Oxford University Press.
- Menocal, M. R. (2002). *The ornament of the world: How Muslims, Jews and Christians created a culture of tolerance in Medieval Spain*. Hachette Book Group.
- Miles, G. C. (1950). *The coinage of the Umayyads of Spain*. The American Numismatic Society.
- Mohamad, M. (1986). *The challenge*. Pelanduk Publication.
- Mokhtar, R. (2013). *Era kegemilangan Andalusia; Antara fakta & iktibar*. Best Seller Publication.
- Muhammad, J. (2010). Falsafat al-‘umran ‘inda Ibn Khaldun. *Journal of Tikrit University for the Humanities*, 17(5), 33-54. <https://www.iasj.net/iasj/article/23079>
- Rabi’, M. M. (1967). *The political theory of Ibn Khaldun*. E. J. Brill.
- Rahim, A. (1960). *A short history of Islam* (Revised Edition). Ahmed Publishing House.
- Razali, W. M. F. A. W. (2018). Al-Ash’ariyyah menurut Ibn Khaldun: sejarawan dan ahli sosiologi Islam. *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Wal Jamaah 2.0*, (hlm. 1-19). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Safran, J. M. (1994). *The sun rises in the west: The ideology of the Umayyad caliphate of al-Andalus* [Tesis Doktor Falsafah, Harvard University]. ProQuest Dissertations Publishing.
- Safran, J. M. (1998). The command of the faithful in al-Andalus: a study in the articulation of caliphate legitimacy. *International Journal of Middle East Studies*, 30(2), 183-198. <https://doi.org/10.1017/S0020743800065867>
- Said, I. G. (2017). The heritage of al-Andalus and the formation of Spanish history and identity. *International Journal of History and Cultural Studies (IJHCS)*, 3(1), 63-76. <http://dx.doi.org/10.20431/2454-7654.0301008>
- Siddiqi, A. H. (1967). *Studies in Islamic history*. Jamiatul Falah Publications.
- Ssekamanya, S. A. (2007). Ibn Khaldun on the role of knowledge, skills and values in the rise and fall of civilizations: Implications for Muslim educations in the 21st century. *Educational Awakening: Journal of the Educational Sciences*, 4(1), 25-44.
- Sulaiman, A. (2020). *Peranan persekitaran kreatif dalam kemajuan sains di al-Andalus*. [Tesis Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia].
- Sulaiman, V. (2001) *Religion and civilisation an analytical study of the Muqaddimah of Ibn Khaldun*. [Tesis Doktor Falsafah, University of Calicut].
- Taton, R. (1963). *History of science ancient and Medieval science from the beginnings to 1450*, (A. J. Pomrans, Trans.). Basic Books Inc.
- Toynbee, A. J. (1951). *A study of history*. Oxford University Press.
- Yahaya, M. (2011). Umran al-alam dari perspektif Ibn Khaldun: suatu anjakan paradigma. *International Journal of West Asian Studies*, 3(1), 1-28.
- Yahaya, M. (2017). ‘Umran and modern theories of development: a comparative study. *International Journal of Education and Social Science*, 4(7), 33-40. <https://ijessnet.com/wp-content/uploads/2022/10/5-51.pdf>
- Yahaya, M. (2018). *Teori ‘umran: Penjana kemakmuran negara*. UNISSA Press.
- Yusuf, N. (2012). *Sejarah perdagangan sektor perdagangan di Andalus era Umawi*. [Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia].